

**Kaedah Pengukuran Objektif Penting Dalam Najibnomics - Ketua Setiausaha MOF Bernama
5 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Ramuan penting dalam memastikan kejayaan Najibnomics bergantung kepada pemilikan kaedah pengukuran objektif seperti Indeks Kualiti Hidup Malaysia (MQLI), kata Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan (MoF) Datuk Seri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Beliau berkata memandangkan Najibnomics menekankan kesejahteraan, petunjuk sokongan perlu ada bagi mengukur kesejahteraan penduduk.

"Antara petunjuk seperti itu yang dapat kami fikirkan ialah Indeks Kebahagiaan," katanya pada Persidangan Unjuran Ekonomi Nasional, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) 2013 hingga 2014.

MQLI ialah indeks komposit yang mengandungi komponen seperti pendidikan, pengangkutan dan komunikasi perumahan, budaya dan santai, pendapatan dan agihan keselamatan awam, kesihatan, penyertaan sosial, alam sekitar, kehidupan keluarga dan syarat pekerjaan.

Najibnomics ialah laluan pembangunan ekonomi bagi menggerakkan negara ke destinasi yang dikehendaki menjelang 2020.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714262>